

Bahagian pertama pembiayaan dijangka diterbitkan awal bulan depan

Bon RM8b biayai projek MRT

KUALA LUMPUR 30 Mei - Danainfra Nasional Bhd. (Danainfra), anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan diperbadankan akan menerbitkan bon dengan jaminan kerajaan bernilai RM8 bilion bagi membiayai sebahagian daripada projek My Rapid Transit (MRT).

Projek mega tersebut sedang dibangunkan dan diuruskan oleh Mass Rapid Transit Corp. Sdn. Bhd. (MRT Corp.).

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, Kementerian Kewangan berkata, terbitan pertama bagi pembiayaan awal akan dilaksanakan menerusi Kertas Komersial Is-

lamik dan/atau Program Nota Jangka Sederhana Islamik dan/ atau Kredit Pusingan Bersindiket Islamik sehingga had RM8 bilion secara gabungan.

“Daripada keseluruhan program pembiayaan RM8 bilion ini, bahagian pertama dijangka diterbitkan awal bulan depan.

“Jumlah yang dijangka mencukupi untuk membiayai projek sehingga Jun tahun depan sebelum pembiayaan lanjut dilaksanakan, bergantung kepada kos keseluruhan yang hanya dimuktamadkan selepas kontrak terakhir di-anugerahkan oleh MRT Corp., “ katanya dalam kenyataan tersebut.

Kementerian itu berkata, empat bank iaitu AmInvestment Bank Bhd., CIMB Investment Bank Bhd., Maybank Investment Bank Bhd. dan RHB Investment Bank Bhd. telah dilantik sebagai Pengatur Utama Bersama bagi program pembiayaan itu.

Danainfra telah ditubuhkan khusus sebagai syarikat pembiayaan sosial kepada kerajaan untuk mencari sumber untuk membiayai projek prasarana oleh kerajaan.



APABILA siap kelak, projek MRT Kuala Lumpur akan meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan di Lembah Klang. - GAMBAR HIASAN